

Sintaksis nominalisasi bahasa Melayu

Hiroki Nomoto
Universiti Bahasa Asing Tokyo

1. Pendahuluan¹

Nominalisasi ialah hasil proses sesuatu unit bahasa yang dianggap bukan namaan berubah menjadi suatu unit namaan. Dengan kata lain, nominalisasi adalah morfem namaan, kata nama atau frasa nama yang diterbitkan berdasarkan morfem, perkataan atau frasa yang bukan namaan. Lazimnya, proses penominalisasian dalam bahasa Melayu melibatkan proses pengimbuhan suatu imbuhan namaan seperti *pembaca* (awalan *peN-*), *bacaan* (akhiran *-an*) dan *pembacaan* (apitan *peN-...-an*). Nominalisasi yang melibatkan proses pengimbuhan seperti ini dikenali juga sebagai kata nama terbitan. Selain itu, terdapat juga nominalisasi yang tidak melibatkan pengimbuhan. Sebagai contoh, dalam ayat *Hobi saya membaca komik*, frasa *membaca komik* merupakan frasa nama. Hal ini boleh dibuktikan menerusi pilihan kata nafi yang sesuai. Hanya kata nafi *bukan* sahaja yang boleh menafikan frasa *membaca komik* tadi, sebagaimana dalam contoh (1a). Demikian juga dalam (1b), frasa *orang Johor* dinafikan oleh kata nafi *bukan*. Ciri ini merupakan ciri frasa nama, yang berbeza daripada ciri frasa kerja seperti *berasal dari Johor* dalam (1c), yang boleh dinafikan oleh kata nafi *bukan* dan juga kata nafi *tidak*.

- (1) a. Hobi saya ✓*bukan*/**tidak* membaca komik.
b. Lelaki itu ✓*bukan*/**tidak* orang Johor.
c. Lelaki itu ✓*bukan*/✓*tidak* berasal dari Johor.

Secara deskriptif, perubahan kategori tanpa pengimbuhan seperti dalam contoh (1a) tersebut dikenali sebagai penukaran (*conversion*). Isu nominalisasi jenis penukaran tidak akan dibincangkan secara mendalam dalam makalah ini.

Dalam linguistik bahasa Melayu (di Malaysia), isu nominalisasi biasanya dikategorikan dalam bidang morfologi, khususnya pengimbuhan. Kesan daripada itu, pemerian tentang nominalisasi terhenti pada tahap perkataan, iaitu dari segi proses pengimbuhan yang berlaku serta aspek makna yang terhasil daripada pengimbuhan tersebut dan perubahan bunyi yang berlaku (jika ada). Pemerian tentang nominalisasi pada tahap ini lazimnya menghuraikan “Imbuhan X menerbitkan kata nama. Makna kata nama berimbuhan X termasuklah A, B,” Pemerian nominalisasi dalam bidang morfologi sememangnya penting sebagai pemerian asas tatabahasa bahasa Melayu. Namun begitu, satu hal penting yang tidak seharusnya dipinggirkan ialah nominalisasi juga mempunyai aspek sintaksis, iaitu pada tahap frasa.

Tahap frasa merupakan sebahagian penting dalam pengetahuan bahasa bagi mana-mana penutur dan perlu dikaji dengan teliti. Misalnya dalam pemerian tentang kata nama terbitan, kata nama terbitan dianggap boleh diikuti terus oleh frasa nama, tanpa apa-apa kata sendi nama seperti dalam contoh (2a–b). Hakikatnya, hubungan di antara frasa nama tersebut dengan kata nama yang diterangkannya adalah taksa. Hal

¹ Penulis berterima kasih kepada Faridah Mohamed dan Kartini Abd. Wahab kerana sudi membantu penulis sebagai konsultan penutur jati bahasa Melayu.

ini kerana frasa nama tersebut boleh jadi pelaku seperti (2a) atau penderita seperti (2b) (maklumat latar belakang: Mona Fandey membunuh Datuk Mazlan). Apa yang menarik ialah penerangan langsung seperti ini gramatis hanya apabila satu frasa nama sahaja yang hadir sebagai penerang frasa nama. Sebaliknya, suatu kata nama tidak boleh mengambil dua penerang langsung seperti dalam contoh (2c–d). Sekiranya kedua-dua frasa nama hendak digunakan, maka kata sendi nama (misalnya *terhadap* dan *oleh*) perlu disisipkan sebelum frasa nama yang kedua seperti dalam contoh (2e–f).

- (2) a. pembunuhan Mona Fandey (pelaku)
 b. pembunuhan Datuk Mazlan (penderita)
 c. *pembunuhan Mona Fandey Datuk Mazlan
 d. *pembunuhan Datuk Mazlan Mona Fandey
 e. pembunuhan Mona Fendi *terhadap* Datuk Mazlan
 f. pembunuhan Datuk Mazlan *oleh* Mona Fendi

Sudah pasti, wujudnya fenomena-fenomena sintaksis nominalisasi yang lain adalah menarik dan penting, tetapi hal ini masih kurang disedari atau kurang difahami faktanya. Sehubungan dengan itu, makalah ini bertujuan untuk memerikan fakta-fakta berkaitan nominalisasi dalam bahasa Melayu dari sudut pandangan sintaksis dan mencadangkan inti analisis terhadap fenomena ini. Penulis berharap agar perbincangan ini dapat dikembangkan lagi pada masa akan datang, sama ada oleh penulis sendiri atau pengkaji lain.

Perbincangan dalam makalah ini distrukturkan seperti berikut. Bahagian 2 mengemukakan latar belakang teori yang diperlukan untuk memahami perbincangan dalam bahagian-bahagian selanjutnya. Bahagian ini bersifat bahan mengajar (meliputi tahap pertengahan prasiswazah ke asas pascasiswazah). Oleh sebab itu, pembaca yang sudah tahu asas teori sintaksis boleh melangkau bahagian 2 ini. Dalam bahagian 3, penulis akan menjelaskan apakah pemarkah atau penanda nominalisasi (*nominalizer*) yang wujud dalam bahasa Melayu. Sebahagian morfem yang pernah dikenal pasti sebagai pemarkah nominalisasi dalam kajian lepas ternyata bukan pemarkah nominalisasi. Bahagian 4 juga berkaitan dengan pengenalanpastian binaan nominalisasi, khususnya tentang status namaan sesuatu perkataan/frasa. Setelah sesuatu morfem itu dikenal pasti sebagai pemarkah nominalisasi tulen yang terlibat dalam binaan nominalisasi yang berstatus namaan, maka barulah kita boleh melihat ciri-ciri binaan tersebut dalam bahagian 5. Selain pemerian tentang ciri-ciri sintaksis setiap nominalisasi, penulis juga akan mengemukakan analisis teoretis dalam bahagian 5 ini. Akhir sekali, bahagian 6 adalah kesimpulan.

2. Latar belakang teori

Bahagian ini akan memperkenalkan konsep-konsep sintaksis asas yang berkaitan nominalisasi, menerusi contoh dalam bahasa Inggeris. Tujuan bahagian ini bukanlah untuk membincangkan nominalisasi bahasa Inggeris secara khusus, tetapi bertujuan untuk memperkenalkan konsep-konsep sintaksis yang berkaitan nominalisasi. Justeru, perbincangan ini hanya melibatkan satu nominalisasi sahaja, iaitu kata *destruction*, yang diterbitkan daripada kata kerja *destroy*.

Dua pola yang melibatkan kata *destruction* dalam contoh (3) di bawah, merupakan contoh terkenal yang dibincangkan sejak tahun 1970-an, khususnya dalam Chomsky (1970).

- (3) a. the enemy's destruction of the city
 b. the city's destruction by the enemy

Dalam kedua-dua contoh ini, perkataan *destruction* dianggap sebagai inti keseluruhan frasa nama. Kedua-dua frasa (3a) dan (3b) adalah mengenai pemusnahan, dan bukannya berkaitan musuh atau bandar. Unsur yang menjadi inti sesuatu frasa dikenali sebagai **kepala (head)** bagi frasa tersebut. Frasa (3a) di atas mengandungi dua frasa nama penerang (*status of* akan dibincangkan dalam bahagian akan datang). Frasa nama seperti ini dikenali sebagai **argumen (argument)** (bagi kepala *destruction*).² Kita boleh merumuskan bahawa "*destruction* mengambil dua argumen frasa nama." Rumusan seperti ini dikenali sebagai **struktur argumen (argument structure)** bagi sesuatu kepala.

Selain daripada bilangan argumen, penutur juga mengetahui maklumat mengenai makna yang disampaikan oleh sesuatu argumen. Aspek makna yang dikaitkan dengan argumen ini dikenali sebagai **peranan semantik (semantic role)** atau **peranan teta (theta role/θ-role)**.³ Dalam kes *destruction* atau kata akarnya *destroy*, terdapat dua peranan teta, iaitu **pelaku (agent)** dan **benda (theme)**.⁴ Hubungan di antara kedua-dua peranan teta ialah: 'pelaku' membuat sesuatu dan 'benda' mengalami perubahan keadaan/kedudukan. Dalam kes frasa-frasa dalam contoh (3) tadi, *the enemy* dan *the city* masing-masing merupakan pelaku dan benda. Kita boleh menunjukkan struktur argumen *destroy/destruction* bersama dengan peranan teta yang dikaitkan dengannya, seperti berikut:

- (4) *destroy/destruction*: pelaku <benda>

Notasi (4) menyatakan bahawa *destroy/destruction* mengambil satu argumen yang berperanan pelaku dan satu lagi argumen yang berperanan benda. Pelaku diletakkan di luar kurungan siku (<>) kerana hubungannya di luar gabungan 'kepala (= *destroy/destruction*) + benda', seperti mana yang ditunjukkan dalam rajah pohon (5).


² Istilah 'argumen' hanya merujuk kepada unsur yang penting (biasanya wajib) bagi sesuatu kepala apabila ia digunakan untuk membezakan dua jenis frasa. Satu lagi unsur, iaitu unsur yang diambil oleh kepala tetapi kurang penting (biasanya opsional) dikenali sebagai **adjung (adjunct)**. Status argumen-adjung ditentukan oleh perilaku sintaksis, dan bukannya makna. Misalnya, dalam bahasa Inggeris, apabila kata ganti nama *one* menggantikan kepala, argumen mesti diganti bersama-sama dengan kepala tersebut, manakala adjung tidak perlu. Ayat (ia) di bawah tidak gramatis kerana frasa kata sendi nama *of chemistry* merupakan argumen bagi *student* tetapi tidak diganti oleh *one*. Ayat (ib) pula gramatis kerana frasa kata sendi nama *with short hair* adalah adjung bagi *student*.

- (i) a. *The student of physics was older than the one of chemistry.
 b. The student with long hair was older than the one with short hair.

³ Istilah 'peranan semantik' biasanya digunakan sebagai konsep semantik manakala 'peranan teta' pula dianggap sebagai unsur sintaksis yang dicerminkan pada pentafsiran semantik. Huruf Yunani θ (teta) adalah singkatan "thematic."

⁴ Sekiranya bernyawa, peranan benda juga dipanggil sebagai **penderita (patient)**.

(5)



Argumen yang berada di dalam dan luar kurungan siku masing-masing dikenali sebagai **argumen dalam** (*internal argument*) dan **argumen luar** (*external argument*).

Berbalik kepada dua pola frasa nama berkepala *destruction* dalam contoh (3) tadi, kedudukannya dalam frasa ditentukan oleh peranan teta. Dalam pola (3a), pelaku muncul di depan kepala dalam bentuk genitif, manakala benda muncul di belakang kepala dengan didahului oleh *of*. Dalam pola (3b) pula, pelaku muncul di akhir frasa dengan didahului oleh kata sendi nama *by*. Hal tersebut diperincikan seperti dalam (6) berikut:

- (6) a. [_{pelaku} the enemy]’s destruction of [_{benda} the city]
b. [_{benda} the city]’s destruction by [_{pelaku} the enemy]

Urutan kata ini boleh dirumuskan menerusi rumus struktur frasa seperti (7).

- (7) a. $NP \rightarrow NP_{\text{pelaku}} \text{ 's } N \text{ of } NP_{\text{benda}}$
b. $NP \rightarrow NP_{\text{benda}} \text{ 's } N \text{ by } NP_{\text{pelaku}}$

Satu aspek yang penting dalam perbincangan mengenai nominalisasi ialah hubungan di antara nominalisasi dengan padanan kerjanya. Dalam kes *destruction*, padanan kerjanya ialah kata kerja *destroy*. Yang menariknya, urutan kata dalam frasa kerja yang dikepalai oleh *destroy* adalah sama dengan padanan namaannya. Bandingkan contoh (6) dengan (8) berikut.

- (8) a. [_{pelaku} the enemy] destroyed [_{benda} the city]
b. [_{benda} the city] was destroyed by [_{pelaku} the enemy]

Urutan kata ini boleh dirumuskan menerusi rumus struktur frasa seperti (9).

- (9) a. $VP \rightarrow NP_{\text{pelaku}} V NP_{\text{benda}}$
b. $VP \rightarrow NP_{\text{benda}} \text{ be}_{\text{PASS}} V\text{-ed by } NP_{\text{pelaku}}$

Chomsky (1970) mendakwa bahawa penetapan struktur frasa menerusi rumus struktur frasa seperti (7) dan (9) adalah bertindih. (7) dan (9), yang berkongsi kata akar, adalah sama sahaja kecuali kategori (N atau V) dan bentuk frasa nama (genitif-*of* atau nominatif-akusatif). Kedua-dua (7) dan (9) didapati daripada pola yang lebih umum yang bebas kategori:

- (10) a. $XP \rightarrow NP_{\text{pelaku}} X NP_{\text{benda}}$
b. $XP \rightarrow NP_{\text{benda}} X \text{ by } NP_{\text{pelaku}}$


Apabila $X = N$, NP di depan X muncul dalam bentuk genitif dan perkataan *of* disisipkan sebelum NP di belakang kepala. Perkataan *of* ini dianggap disisipkan secara automatik kerana dalam bahasa Inggeris, frasa nama tidak boleh menerang kepala secara langsung,

misalnya **the capital Malaysia*, iaitu tidak seperti bahasa Melayu, misalnya *ibu kota Malaysia*. Apabila $X = V$ pula, NP di depan X muncul dalam bentuk nominatif, NP di belakang kepala muncul dalam bentuk akusatif, dan ragam ditetapkan kepada aktif (a) atau pasif (b). Ciri-ciri ini adalah ciri-ciri kategori sintaksis (N atau V), dan bukannya ciri-ciri struktur frasa yang umum. Dari segi bilangan argumen dan peranan tetanya pula adalah berasal daripada struktur argumen kata akar dalam (4) yang dikongsi oleh kedua-dua bentuk kata nama *destruction* dan bentuk kata kerja *destroy*. Dalam contoh bahasa Inggeris yang dibincangkan ini, bentuk kata akar kebetulan sama dengan bentuk kata kerja. Walau bagaimanapun, hal ini tidak semestinya begitu seperti yang jelas terdapat dalam bahasa Melayu, yang mana tiga bentuk tersebut berlainan bentuknya, iaitu kata akar *musnah*, kata nama *pemusnahan* dan kata kerja *memusnahkan*.

Oleh hal yang demikian, prinsip yang mengawal struktur frasa akan menjadi agak abstrak. Maka itu lahirlah **teori X-berpalang (X-bar theory)** (Chomsky 1970; Jackendoff 1977). Menurut teori X-berpalang, semua jenis frasa mengikuti skema yang sama yang ditunjukkan dalam (11), di mana W, X, Y, Z adalah angkuabah yang boleh diganti dengan lambang kategori seperti N, V, A, P dan sebagainya. Sebagai contoh, jika $X = N$, $X' = N'$ dan $XP = NP$. Semua maklumat yang disampaikan oleh rajah pohon (11a) adalah sama dengan maklumat yang disampaikan menerusi notasi kurungan berlabel (11b). Cuma bezanya saiz ruang yang diambil.

(11) Skema X-berpalang (*X-bar schema*)

a.




b. $[_{XP} YP [_{X'} [_{X'} X WP] ZP]]$

Dalam struktur (11a), frasa XP diprojeksikan oleh kepala X. Frasa yang bergabung dengan X dipanggil sebagai **komplemen (complement)** bagi X. Frasa yang berfungsi sebagai adjung bergabung di atas gabungan kepala dan komplemen. Dengan kata lain, kedudukan adjung lebih jauh dari kepala berbanding komplemen yang berfungsi sebagai argumen (lihat nota kaki 2 untuk perbezaan di antara argumen dan adjung). Frasa yang dinaungi secara langsung oleh XP dikenali sebagai **spesifier (specifier)** atau diringkaskan sebagai **Spek (Spec)**. Kedudukan komplemen dan Spek masing-masing diduduki oleh argumen dalam dan argumen luar. Terdapat tiga peringkat projeksi yang boleh dibezakan. Peringkat kepala, iaitu X, dikenali sebagai **projeksi minimal (minimal projection)**. Apabila kepala tersebut memprojeksi sampai ke tahap terakhir yang tidak boleh diperluaskan lagi, iaitu XP, peringkat tersebut dipanggil sebagai **projeksi maksimal (maximal projection)**. Teori X-berpalang berbeza daripada teori struktur frasa yang sebelumnya dari segi mengiktiraf peringkat frasa yang bukan kepala

(X) tetapi lebih kecil daripada XP sebagai **projeksi pertengahan (*intermediate projection*)**. Notasi bagi projeksi pertengahan dilambangkan dengan “'” seperti X'.⁵ Peringkat X' boleh berulang seperti yang ditunjukkan dalam rajah pohon dalam (11).

Teori struktur frasa ini dapat menerangkan persamaan di antara frasa nama yang dikepalai nominalisasi dan ayat, seperti yang telah kita lihat di antara contoh (3) dengan (8). Struktur bagi frasa nama (3a) *the enemy's destruction of the city* dan padanan frasa kerjanya adalah seperti yang ditunjukkan dalam (12a) dan (12b). Perhatikan keselarian struktur di antara frasa nama dan frasa kerja dalam contoh berikut.




Perkataan *of* disisipkan secara automatik di depan NP *the city* dalam (12a). Dalam (12b), frasa kerja kemudiannya bergabung dengan kepala T(ense) dan membentuk ayat seperti dalam (13). Dalam teori X-berpalang, ayat dianalisis sebagai projeksi T, iaitu TP.⁶ Argumen luar bagi *destroy* mula-mula bergabung di Spek,VP lalu berpindah ke Spek,TP (**Hipotesis Subjek Dalam VP (*VP Internal Subject Hypothesis*)**; cf. Guilfoyle, Hung dan Travis (1992)). Hal ini ditunjukkan oleh anak panah dan **t(ikas) (*trace*)** yang ditinggalkan di kedudukan asal.

⁵ Apabila teori X-berpalang diutarakan, lambang yang digunakan adalah lambang palang seperti \bar{X} . Nama teori X-berpalang berdasarkan notasi ini. Lambang palang jarang digunakan sekarang kerana susah hendak ditaip.

⁶ Unsur T adalah salah satu infleksi (Pollock 1989). Oleh itu, IP, yang sering dijumpai dalam terbitan pada tahun 1980-an dan 1990-an, boleh dianggap (hampir) sama dengan TP. Di Malaysia, I dan IP pernah diterjemahkan sebagai FLEKSI dan FFLEKSI. (Pada hemat penulis, label kategori sintaksis lebih baik antarabangsa sebagaimana dengan lambang kimia seperti ‘Ag’ untuk perak.)

(13)




Perlu diingatkan di sini bahawa keselarian di antara frasa nama dan ayat tidak semestinya bermaksud bahawa frasa nama diterbitkan daripada ayat melalui transformasi khas. Sebaliknya, Chomsky (1970) menafikan transformasi yang sedemikian. Misalnya, frasa nama dalam contoh (3b) *the city's destruction by the enemy* tidak berdasarkan ayat (8b) *The city was destroyed by the enemy*. Berdasarkan analisis Chomsky, frasa nama dalam (3b) diterbitkan daripada frasa nama (3a)/(12a) melalui (i) pembelakangan pelaku dan (ii) pendeptanan NP seperti (14):


- (14) a. the enemy's destruction of the city (= (3a))
 b. the destruction of the city by the enemy⁷ (pembelakangan pelaku)

⁷ Kategori sintaksis artikel pasti *the* adalah **penentu** (*determiner*). Lambang bagi penentu ialah D atau Det. Pada awalnya, penentu dianalisis menduduki Spek,NP seperti yang ditunjukkan dalam (ia). Namun, struktur ini bercanggah dengan skema X-berpalang (11) kerana D tidak berprojeksi dan kedudukan Spek sepatutnya diisi oleh frasa projeksi maksimal, dan bukannya kepala seperti D. Oleh sebab masalah-masalah ini, kini biasanya diandaikan bahawa penentu mempunyai projeksi sendiri, iaitu DP, di mana D mengambil NP sebagai komplement, seperti yang ditunjukkan dalam (ib) (Abney 1987). Kebanyakan pengkaji berpandangan bahawa frasa nama dalam bahasa-bahasa tanpa artikel seperti bahasa Melayu juga berprojeksi DP apabila frasa nama tersebut berfungsi sebagai argumen (frasa nama juga berfungsi sebagai predikat). Akan tetapi, terdapat juga pengkaji mendakwa bahawa frasa nama dalam bahasa-bahasa tanpa artikel merupakan NP, tanpa lapisan DP (cth. Chierchia 1998; Lyons 1999; Bosković 2008).

(i) a.



b.




- c. the city's destruction by the enemy (pendeapanan NP)

Perhatikan bahawa struktur (14b), yang terhasil menerusi penerapan pembelakangan pelaku sahaja, juga adalah gramatis. Hal ini menyokong dakwaan bahawa tidak ada transformasi khas seperti “transformasi nominalisasi.”

Chomsky (1970) turut mendakwa bahawa keselarian di antara frasa nama dengan ayat, dari segi struktur argumen dan peranan teta yang dikaitkan dengannya, menunjukkan bahawa kata nama dan kata kerja yang mengepalai frasa nama dan frasa kerja, berkongsi maklumat pemilihan dan subkategorisasi. Dengan kata lain, maklumat bahawa *destruction* dan *destroy* mengambil satu frasa nama pelaku dan satu frasa nama benda, tidaklah tertera pada kedua-dua perkataan secara bertindih, tetapi tertera pada kata akarnya hanya sekali sahaja. Dalam analisis ini, kata akar adalah bebas kategori. Kategori sintaksis pula muncul sebagai hasil penggabungan fitur kategori seperti [noun] dan [verb], di mana suatu bentuk fonologi itu ditentukan oleh rumus morfologi:

- (15) a. DESTROY + [noun] → destruction (kata nama)
 b. DESTROY + [verb] → destroy (kata kerja)

Dengan adanya perkembangan teori frasa struktur selama dua dekad kemudiannya, khususnya penggunaan **kategori fungsional (*functional category*)** secara besar-besaran,⁸ gagasan ini pun turut berkembang menjadi satu teori morfologi yang dikenali sebagai **Morfologi Tersebar (*Distributed Morphology*)** (Halle dan Marantz 1993; Marantz 1997; Embick dan Noyer 2007). Menurut teori ini, fitur kategori dalam Chomsky (1970) mengepalai frasanya sendiri dan berfungsi sebagai penentu kategori, seperti yang ditunjukkan dalam (16). Dalam contoh ini, frasa kata akar DESTROY adalah neutral dari segi kategori. Kategorinya ditentukan oleh kepala penentu kategori, iaitu n dan v.



Menurut gagasan Morfologi Tersebar, pembentukan kata berlaku pada komponen sintaksis. Kata akar mengikuti peraturan sintaksis biasa, dan bukannya mengikuti peraturan khas yang menangani pembentukan perkataan sahaja. Misalnya,

⁸ Kategori sintaksis boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu **kategori leksikal (*lexical category*)** yang membawa makna leksikal dan kategori fungsional yang membawa makna tatabahasa. Kategori leksikal termasuk kategori N, V, A, P manakala kategori fungsional termasuk kategori T, D, C dan sebagainya.

dalam contoh (16) di atas, kata akar DESTROY berprojeksi frasa, iaitu \sqrt{P} .⁹ Kata akar kemudiannya mengalami **perpindahan kepala (head movement)** yang berlaku secara umum dalam sintaksis. Perpindahan ini ditunjukkan dengan anak panah dalam rajah pohon (16). Hasil perpindahan ini membentuk kepala kompleks seperti $[_n [_n \text{-ion}] + \sqrt{\text{DESTROY}}]$ dan $[_v v + \sqrt{\text{DESTROY}}]$. Kepala kompleks ini kemudiannya diberi bentuk fonologi serta penyesuaiannya dalam komponen pascasintaksis. Teori Morfologi Tersebar dinamakan demikian kerana operasi morfologi yang sebelum ini dipercayai berlaku dalam satu komponen, iaitu leksikon, tersebar ke dalam berbilang komponen, termasuklah komponen sintaksis.


3. Pemarkah nominalisasi

Seperti yang dijelaskan dalam bahagian 1. , kebanyakan nominalisasi dalam bahasa Melayu adalah kata nama terbitan yang terdiri daripada kata dasar dan imbuhan. Imbuhan-imbuhan yang menerbitkan kata nama dikenal pasti sebagai pemarkah nominalisasi dalam bahasa Melayu. Imbuhan-imbuhan tersebut boleh dianalisis sebagai penentu kategori jenis “n” dalam analisis pembentukan kata dalam teori Morfologi Tersebar yang diperkenalkan di akhir bahagian 2. . Persoalan yang penting dalam sintaksis nominalisasi termasuklah (i) apakah pemarkah nominalisasi yang wujud dalam bahasa Melayu? dan (ii) apakah ciri-ciri setiap pemarkah nominalisasi tersebut? Kajian terdahulu sudah cukup baik menjawab persoalan pertama. Namun, persoalan kedua masih kurang dibincangkan dan pemerian tentang aspek ini juga masih belum mencapai tahap yang berpada. Maklumat yang ada setakat ini hanyalah berkenaan dengan kadar keproduktifan sesuatu pemarkah. Menurut Nik Safiah dkk. (2008), pemarkah nominalisasi atau imbuhan kata nama yang produktif dalam bahasa Melayu moden ialah imbuhan-imbuhan berikut:

(17) Pemarkah nominalisasi (yang produktif) dalam bahasa Melayu

a. Awalan: *peN-*, *pe-*¹⁰

⁹ Mulai sekarang, penulis mengandaikan satu versi notasi teori struktur frasa yang terkini, iaitu **struktur frasa bolen (bare phrase structure)** (Chomsky 1995: bab 4), di mana projeksi yang tidak mempunyai isi dalam kerangka X-berpalang tidak berprojeksi. Lambang “P” dan “'” daripada teori X-berpalang tetap digunakan untuk memudahkan pemahaman struktur walaupun unsur-unsur ini tidak dibenarkan dalam teori struktur frasa bolen. Struktur (ia) yang taat mengikuti kerangka X-berpalang menjadi seperti (ib) dalam notasi baru. Oleh sebab Spek, XP dan komplemen bagi Y kosong dalam (ia), projeksi pertengahan X' dan Y' tidak berprojeksi dalam (ib).



¹⁰ Asmah (2009) tidak membezakan *peN-* dan *pe-*. Beliau menganggap kes-kes pengimbuhan *pe-* seperti *pekedai* dan *petani* sebagai pengimbuhan *peN-* di mana perubahan bentuk *peN-* menyimpang dari peraturan biasa dan unsur sengau (N) hilang. Walau bagaimanapun, penulis berpandangan bahawa *peN-*

- b. Akhiran: *-an*
- c. Apitan: *peN-...-an, per-...-an, ke-...-an*

Daripada senarai ini, adalah jelas bahawa jumlah pemarkah nominalisasi yang produktif dalam bahasa Melayu tidak banyak.

Selain daripada yang disenaraikan dalam (17), Nik Safiah dkk. (2008: 296) telah menyentuh *-nya* sebagai “kata pembenda” dan memberi contoh-contoh seperti berikut:

- (18) a. *Lajunya* ialah 100 km sejam.
- b. Bukan kepalang *sakitnya*.
- c. Dia berhujah dengan *lantangnya*.
- d. *Datangnya* secara mendadak.

(Nik Safiah dkk. 2008: 296)

Daripada contoh-contoh ini dan berdasarkan huraian mereka, boleh dikatakan bahawa “kata pembenda” adalah sejenis pemarkah nominalisasi.

Yap (2011) juga pernah membincangkan perkaitan *-nya* dengan isu nominalisasi. Namun, bagi beliau, *-nya* bukanlah pemarkah nominalisasi. Sebaliknya, nominalisasi adalah konstituen yang mendahului *-nya* sahaja dan *-nya* tetap berfungsi sebagai enklitik orang ketiga. Sebagai contoh, dalam kes *rajinnya*, enklitik *-nya* di sini menunjukkan bahawa perkataan *rajin*, yang asalnya merupakan kata adjektif, telah berubah menjadi kata nama seperti (19a). Dengan kata lain, enklitik *-nya* tidak termasuk dalam hasil nominalisasi seperti (19b), malah ia mengekalkan fungsi kata ganti nama orang ketiga. Justeru, Yap menterjemahkan frasa *rajinnya* sebagai ‘his diligence’. Jika mengikut analisis (19b) pula, terjemahannya mesti berbeza, iaitu ‘diligence’ tanpa ‘his’, kerana dalam analisis tersebut *-nya* tidak lagi berfungsi sebagai kata ganti nama.

- (19) a. [N [A rajin]] *-nya* (analisis Yap)
- b. [N [A rajin] *-nya*]

Walaupun penulis tidak menafikan analisis Yap seperti (19a), tetapi contoh seperti ini hanyalah merupakan contoh penukaran biasa seperti (1a) dan boleh berlaku tanpa *-nya* seperti dalam (20):

- (20) a. [N [A tinggi]] Gunung Fuji (adalah 3,776m)
- b. [N [A berat]] badan saya (adalah 55kg)

Oleh hal yang demikian, adalah mengelirukan untuk merujuk kepada contoh penukaran seperti (19a) dengan label “nominalisasi *-nya*,” kerana label sedemikian boleh menyebabkan kesalahfahaman bahawa operasi penominalisasian dipicu oleh *-nya*, sedangkan hakikatnya *-nya* yang hadir di situ hanyalah secara kebetulan.

dan *pe-* mesti dibezakan kerana kedua-dua imbuhan ini adalah dua morfem berlainan yang serupa fungsinya. Hal ini kerana *peN-* dan *pe-* berasaskan pada kata kerja yang berlainan, iaitu kata kerja *meN-* dan kata kerja *ber-* (lihat bahagian 5.1). Penulis mengikut Zaharani (1992) dalam mengandaikan bahawa awalan *per-* dan *pe-* adalah alomorf bagi satu morfem yang sama.

Nominalisasi *-nya* yang sebenar adalah berstruktur (19b), di mana *-nya* dengan aktif, dan bukannya secara kebetulan, menukar kategori lain kepada kata nama. Morfem *-nya* yang menjadi pemarkah nominalisasi ini tidak berfungsi sebagai kata ganti nama orang ketiga seperti mana yang dibuktikan oleh contoh-contoh berikut:

- (21) a. [N [A sedih] -nya] saya (hanya Tuhan sahaja yang tahu)
 b. [N [V ada] -nya] engkau di sampingku (membuat hidupku lebih ceria)

Yap (2011) juga menganalisis perkataan *yang* dan *punya* sebagai pemarkah nominalisasi. Penulis tidak bersetuju dengan analisis beliau kerana analisis tersebut menyimpang daripada prinsip asas analisis linguistik moden. Menurut analisis beliau, *yang* dalam ayat (22) berfungsi seperti kata nama dan menambat kedudukan sela seperti yang ditunjukkan dengan indeks *i* dalam (23a). Dalam analisis tradisional pula binaan ini dianalisis sebagai binaan relativisasi yang frasa nama kepalanya tidak nyata, iaitu mempunyai hanya makna dan fungsi sintaksis sahaja dan tidak memiliki bunyi, seperti dalam (23b). Dalam analisis Yap, perkataan *yang* membawa makna ‘orang, benda’, manakala dalam analisis tradisional pula frasa nama tidak nyata (\emptyset) yang membawa makna tersebut.

(22) *Yang* nak nikah bukan aku.

(Yap 2011: 632)

- (23) a. [yang_i [_____i nak nikah]] (analisis Yap)
 b. [\emptyset _i yang [_____i nak nikah]] (analisis tradisional)

Bagi Yap, *yang* menjadi kata relatif hanya apabila ia didahului frasa nama yang nyata seperti contoh (24) berikut.

(24) orang *yang* nak nikah

Analisis Yap tidak ekonomik berbanding dengan analisis tradisional. Jika hendak mengikut analisis Yap, kita terpaksa mengandaikan kewujudan dua morfem *yang* yang berlainan, iaitu kata nama (*yang1*) bagi (22) dan kata relatif (*yang2*) bagi (24). Padahal, dalam analisis tradisional, kedua-dua *yang* adalah morfem sama, iaitu kata relatif. Tambahan pula, *yang1* dan *yang2* menunjukkan penyebaran saling melengkapi; *yang1* muncul apabila tidak didahului frasa nama nyata, manakala *yang2* pula muncul apabila didahului frasa nama nyata. Kesimpulan yang dapat dibuat dalam kes penyebaran saling melengkapi adalah dua unsur yang nampak berbeza pada lahirnya sebenarnya merupakan satu unsur yang sama. Dalam analisis tradisional, *yang* dalam contoh (22) bukanlah pemarkah nominalisasi. Walaupun contoh seperti (22) sememangnya frasa nama, namun hal tersebut kerana ia dikepalai oleh frasa nama (yang tidak nyata, \emptyset), dan bukannya kerana perkataan *yang* menukar frasa *nak nikah* kepada frasa nama.

Selain itu, Yap juga menganalisis perkataan *punya* sebagai pemarkah nominalisasi berdasarkan contoh seperti (25).

(25) (Yang) nak jahit *punya* letak 'kat sini.

(Yap 2011: 648)

Walau bagaimanapun, Yap tidak menganalisis *punya* dalam contoh serupa seperti (26), sebagai pemarkah nominalisasi kerana ia diikuti dengan frasa nama nyata, iaitu *baju*. Menurut analisis beliau, *punya* dalam kes ini adalah kata relatif.

(26) (Yang) nak jahit *punya* baju letak dekat sini.

(Yap 2011: 648)

Hujah penulis terhadap kes *punya* adalah sama dengan kes perkataan *yang* di atas. Jika kita hendak mematuhi prinsip ekonomi pemerian, kita tidak harus mengandaikan kewujudan dua morfem *punya*, memandangkan dua morfem tersebut menunjukkan penyebaran saling melengkapi. Dengan kata lain, terdapat hanya satu sahaja morfem *punya*, tidak kira ia diikuti dengan frasa nama yang nyata atau sebaliknya. Apabila *punya* tidak diikuti dengan frasa nama nyata seperti contoh (25), boleh diandaikan bahawa terdapat frasa nama yang tidak nyata seperti (27).

(27) (Yang) nak jahit *punya* Ø letak 'kat sini.

Morfem tidak nyata dalam (27) merupakan morfem sama dengan morfem yang terlibat dalam contoh klausa relatif (23b), memandangkan maknanya yang agak abstrak, iaitu 'orang, benda'.¹¹ Kesimpulannya, perkataan *punya* bukanlah pemarkah nominalisasi. Binaan *punya* seperti dalam contoh (25) dan (26) merupakan frasa nama kerana ia mempunyai struktur 'penerang + *punya* + kepala', di mana kepalanya adalah frasa nama, sama ada nyata atau sebaliknya.

Keseluruhannya, dalam bahagian 3 ini penulis telah menunjukkan bahawa pemarkah nominalisasi (yang produktif) dalam bahasa Melayu ialah imbuhan-imbuhan yang disenaraikan dalam (17) dan akhiran *-nya* yang bukan merupakan enklitik orang ketiga. Kedua-dua morfem yang dikaitkan dengan nominalisasi oleh Yap (2011), iaitu *yang* dan *punya*, bukan pemarkah nominalisasi, sungguhpun frasa yang mengandungnya adalah frasa nama. Perbincangan dalam bahagian seterusnya akan meneliti bukti status namaan.

4. Bukti status namaan

Status namaan bagi nominalisasi yang melibatkan imbuhan-imbuhan dalam senarai (17) berkemungkinan tidak diragui. Akan tetapi, nominalisasi *-nya* seperti *adanya engkau di sampingku* dalam contoh (21b) dan nominalisasi jenis penukaran seperti (*Hobi saya membaca buku* dan *berat badan saya* dalam contoh (20b) kadang-kala tidak jelas status namaannya. Malah, jika tanpa apa-apa konteks linguistik, frasa *membaca buku* pastinya dianggap sebagai frasa kerja. Justeru, kemungkinan terdapat pengkaji lain yang mempertikaikan bahawa frasa *membaca buku* dalam ayat *Hobi saya membaca*

¹¹ Hal ini dan kehadiran *yang* di pangkal frasa menunjukkan kemungkinan binaan *yang ... punya* ini berdasarkan binaan relativisasi. Binaan ini diterbitkan hasil perpindahan CP klausa relatif ke spesifikier frasa yang dikepalai oleh *punya*, seperti mana yang ditunjukkan dalam (i).

(i) [punya _{DP} Ø [CP yang murah]]
 ↑

buku juga frasa kerja. Dakwaan sedemikian sah sekiranya tidak ada fakta yang menunjukkan sebaliknya. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa fakta yang membuktikan status namaan bagi binaan yang dianggap sebagai nominalisasi, termasuklah dua kes tadi.

Fakta pertama adalah berkaitan dengan pemilihan kata nafi. Seperti yang telah dijelaskan dalam permulaan makalah ini, hanya frasa kerja sahaja yang boleh dinafikan oleh kedua-dua kata nafi *bukan* dan *tidak*, manakala frasa nama pula hanya boleh dinafikan oleh kata nafi *bukan* sahaja. Perhatikan contoh (1), yang diulang semula sebagai (28) di bawah, untuk contoh nominalisasi penukaran, dan (29) untuk contoh nominalisasi *-nya*.

- (28) a. Hobi saya ✓*bukan*/**tidak* [membaca komik].
b. Lelaki itu ✓*bukan*/**tidak* [_{NP} orang Johor].
c. Lelaki itu ✓*bukan*/✓*tidak* [_{VP} berasal dari Johor].

(29) Apa yang membuat hidupku ceria ✓*bukan*/**tidak* [adanya engkau di sampingku].

Fakta kedua, dalam laras formal, frasa kerja boleh membentuk klausa relatif sedangkan frasa nama tidak boleh:

- (30) a. *dua lelaki yang [_{NP} orang Johor] (turut hadir di majlis tersebut)¹²
b. dua lelaki yang [_{VP} berasal dari Johor] (turut hadir di majlis tersebut)

Kriteria ini sukar diterapkan kepada nominalisasi jenis penukaran, kerana nominalisasi tersebut tidak melibatkan apa-apa pemarkah nyata. Nominalisasi *-nya* pula menunjukkan perilaku frasa nama seperti dalam (31a).

- (31) a. *orang yang [adanya wang] (sahaja boleh menunaikan haji)
b. orang yang [_{VP} ada wang] (sahaja boleh menunaikan haji)

Fakta ketiga, kepala dan komplemen boleh dipisahkan dalam frasa kerja tetapi tidak boleh dalam frasa nama:

- (32) a. *Saya tidak tahu *dari mana*-kah lelaki itu [_{NP} orang *t*].
b. Saya tidak tahu *dari mana*-kah lelaki itu [_{VP} berasal *t*]?

Kriteria ini juga sukar diterapkan kepada nominalisasi jenis penukaran. Seperti kriteria kedua di atas, nominalisasi *-nya* berperilaku seperti frasa nama:

- (33) a. *Saya tidak tahu *siapa*-kah [adanya *t* di sampingmu semasa itu].
b. Saya tidak tahu *siapa*-kah [_{VP} ada *t* di sampingmu semasa itu].

Berdasarkan ketiga-tiga kriteria yang telah dikemukakan ini, jelaslah bahawa nominalisasi penukaran dan nominalisasi *-nya* merupakan frasa nama, meskipun kedua-duanya kelihatan seperti frasa kerja.

¹² Contoh ini gramatis dalam laras tidak formal.

5. Ciri-ciri sintaksis binaan nominalisasi


Dalam bahagian ini, penulis akan membincangkan secara khusus tentang ciri-ciri binaan nominalisasi bahasa Melayu satu per satu.

5.1 *peN-* dan *pe-*

Nominalisasi *peN-* dan *pe-* merujuk kepada argumen luar dalam struktur argumen kata kerja yang berkaitan. Kedua-dua nominalisasi ini berbeza dari segi jenis struktur argumen yang dirujuk. Nominalisasi *peN-* merujuk kepada struktur argumen kata kerja *meN-(...-kan/i)*, manakala nominalisasi *pe-* pula merujuk kepada struktur argumen kata kerja *ber-* (Mintz 2002: 2008). Sebagai contoh, *pengajar* berdasarkan *mengajar* manakala *pelajar* berdasarkan *belajar*. Oleh itu, *pengajar* bermakna individu yang mengajar sesuatu, manakala *pelajar* pula bermakna individu yang belajar sesuatu.

Dari segi Morfologi Tersebar, kedua-dua nominalisasi tersebut boleh dianalisis sebagai berdasarkan satu morfem yang sama. Hal ini kerana kedua-dua *peN-* dan *pe-* adalah sama tafsiran semantiknya, iaitu merujuk kepada argumen luar, dan boleh dianggap sebagai alomorf yang penyebarannya disyaratkan oleh lingkungan sintaksis, iaitu *peN-* sebagai alomorf yang muncul apabila diikuti dengan kata kerja *meN-*, dan *pe-* sebagai alomorf yang muncul apabila diikuti dengan kata kerja *ber-*. Penulis menggunakan [EA] sebagai wakil kedua-dua bentuk. [EA] adalah fitur yang merealisasikan tafsiran rujukan argumen luar (*External Argument*) dan merupakan kepala n yang menukar kategori sintaksis kepada namaan. Menurut analisis ini, struktur nominalisasi *peN-* dan *pe-* adalah seperti berikut:

(34)



DP_{dalam} dalam rajah (34) menunjukkan DP argumen dalam. Realisasi fonologi bagi fitur [EA] adalah bergantung kepada jenis v yang muncul dalam (34), sama ada *meN-* atau *ber-*.¹³ Apabila fitur [EA] mengambil vP yang dikepalai oleh *meN-*, gabungan

¹³ Dalam kajian nominalisasi pelaku dalam bahasa lain (cth. nominalisasi *-er* dalam bahasa Inggeris), terdapat perdebatan mengenai sama ada nominalisasi tersebut melibatkan projeksi kerjaan seperti v. Perdebatan ini berlaku kerana nominalisasi tersebut tidak dapat diterangkan oleh adverba. Sebagai contoh, *pemandu* dalam (ia) tidak dapat diterangkan oleh adverba dalam kurungan sebagaimana dengan *memandu* dalam (ib). Frasa (ia) hanya bermakna pemandu yang secara amnya memandu kereta perlahan-lahan/selama lima jam (tafsiran generik) seperti dalam (ii), dan bukannya pada waktu tertentu sahaja (tafsiran episodik).

(i) [Konteks: Dalam kelas sekolah rendah. Seorang guru berkata kepada murid-murid:]
Ali memandu kereta {dari pukul 7 sampai pukul 8/dengan laju 40km sejam}. Abu pula memandu kereta {dari pukul 7 sampai pukul 10/dengan laju 80km sejam}.

‘[EA] + meN-’ direalisasikan sebagai *peN-*. Apabila fitur [EA] mengambil vP yang dikepalai oleh *ber-* pula, gabungan ‘[EA] + *ber-*’ direalisasikan sebagai *pe-*.¹⁴ Hal ini dapat diungkapkan menggunakan rumus morfologi seperti (35).¹⁵

- (35) a. n [EA] + meN- ↔ *peN-*
 b. n [EA] + *ber-* ↔ *pe-*

Kedua-dua alomorf *peN-* dan *pe-* mempunyai alomorf yang disyaratkan oleh lingkungan fonologi, iaitu *pem-*, *pen-*, *peny-*, *peng-*, *pe-* dan *penge-* bagi *peN-*, dan *pe-*, *pel-* dan *per-* bagi *pe-*.¹⁶

Kadang-kala, nominalisasi *peN-* dan *pe-* tidak wujud walaupun kata kerja *meN-(...-kan/i)* dan *ber-* wujud. **Pengada* yang sepatutnya diterbitkan berdasarkan *mengadakan* adalah satu contoh.

- (36) a. *Pak Basirlah *pengada* kenduri kahwin itu.
 b. Pak Basir *mengadakan* kenduri kahwin itu.

(Nomoto 2006: 14)

Contoh (36a) tidak gramatis bukan kerana akhiran *-kan* yang ada pada kata kerja *mengadakan* telah ditiadakan. Pada umumnya, akhiran *-kan* dan *-i* tidak muncul dalam nominalisasi walaupun akhiran tersebut wajib hadir dalam kata kerja yang berkaitan.¹⁷ Sebagai bukti, nominalisasi *penyebab* dikaitkan dengan kata kerja

-
- a. *Siapakah *pemandu kereta {selama tiga jam/perlahan-lahan}*? (tafsiran episodik)
 b. Siapakah yang *memandu kereta {selama tiga jam/perlahan-lahan}*?

- (ii) [Konteks: Bapa B memandu kereta tiga jam sahaja kerana hendak menjimatkan minyak.]
 A: Kenapa ayah awak tak hantar awak ke stesen?
 B: Ayah saya dah guna kereta dia selama tiga jam. Ayah saya *pemandu kereta selama tiga jam sahaja*. Dia tak nak pakai kereta dia lebih dari tiga jam sehari. (tafsiran generik)

Baker dan Vinokurova (2009) dan Borer (2012) menafikan kehadiran projeksi kerjaan dalam nominalisasi pelaku berdasarkan fakta ini. Alexiadou (2001) dan Roy dan Soare (2013) pula mendakwa bahawa fakta di atas berkaitan dengan rujukan individu (dan bukannya peristiwa) dan nominalisasi pelaku ada mengandungi projeksi kerjaan. Fakta bahasa Melayu menyokong pendirian yang kedua kerana permaklah nominalisasi, iaitu realisasi fitur [EA], peka kepada jenis kepala v.

¹⁴ Penulis mengandaikan bahawa gabungan ‘n + v’ dibentuk hasil perpindahan kepala v ke n.

¹⁵ Sebenarnya, kepala v seperti *meN-* dan *ber-* pun boleh dianalisis menggunakan fitur. Analisis fitur terhadap jenis atau “perisa” (*flavour*) v adalah salah satu topik yang menarik tetapi terabai dalam bidang morfologi dan sintaksis bahasa Melayu.

¹⁶ Jika dilihat kes (35a) sahaja, maklumat fonologi bagi fitur [EA] boleh dianalisis sebagai arahan menukar konsonan pertama, iaitu menukar *m* kepada *p*. Bagaimanapun, analisis serupa tidak berjaya dalam kes (35b). Hal ini kerana awalan *ber-* dan *pe-* bertukar bentuk dengan cara yang sedikit berbeza. Misalnya, bagi kata dasar yang bermula dengan *k*, *kedai* misalnya, terdapat bunyi *r* bagi *ber-* seperti *berkedai* tetapi tidak bagi *pe-* seperti *pekedai*. Oleh sebab itulah kita harus menangani fitur [EA] bersamaan dengan v (*meN-*, *ber-*), dan bukannya secara berasingan.

¹⁷ Rumus morfologi (35) dapat dibaiki seperti dalam (i) supaya boleh menangani fakta ini.

- (i) n [EA] + meN- (... -kan/i) ↔ *peN-*

Satu kekecualian bagi rumus pengguguran akhiran ini yang penulis tahu ialah istilah linguistik yang dicipta oleh Ramli (2006) sebagai terjemahan *experiencer*, iaitu *pengalami*.

berakhiran *-kan*, iaitu *menyebabkan*, kerana kata kerja tanpa imbuhan seperti **menyebab* tidak wujud. Hal yang sama dapat dilihat di antara nominalisasi *pemilik* dengan kata kerja *memiliki* yang berakhiran *-i*; tiada kata kerja tanpa akhiran, iaitu **memilik*. Nomoto (2006) menganggap ketiadaan bentuk nominalisasi seperti dalam (36a) sebagai sela leksikal (*lexical gap*).

Berhubung dengan realisasi argumen, nominalisasi *peN-* dan *pe-* boleh mengambil satu frasa nama sebagai komplemen. Frasa nama yang diambil ini tidak bebas dari segi peranan semantiknya. Peranannya mestilah yang boleh dikaitkan dengan argumen dalam kepada struktur argumen kata kerja yang berkaitan. Sebagai contoh dalam (37a), frasa yang mengambil argumen dalam sahaja yang boleh diterima, manakala frasa yang mengambil argumen luar (37b), dan frasa yang mengambil kedua-dua argumen luar dan dalam (37c–d), adalah tidak gramatis. Bandingkan dengan kata kerja *belajar* atau *mempelajari* yang mengambil dua argumen seperti (38).

- (37) a. pelajar linguistik
 b. *pelajar (oleh) Ali
 c. *pelajar linguistik (oleh) Ali
 d. *pelajar (oleh) Ali linguistik

(38) Ali belajar/mempelajari linguistik.

Terdapat tiga kemungkinan analisis untuk menjelaskan mengapa nominalisasi *peN-* dan *pe-* tidak boleh mengambil argumen luar. Analisis pertama adalah untuk mengenakan kekangan terhadap struktur vP dalam (34), supaya tidak mengandungi kedudukan argumen luar, iaitu *Spek_{vP}*. Analisis kedua pula ialah untuk menganalisis [EA] sebagai bergabung di kedudukan argumen luar lalu berpindah ke n. Analisis kedua ini diutarakan oleh van Hout dan Roeper (1998). Alexiadou dan Schäfer (2010) mengemukakan analisis ketiga yang sedikit berbeza daripada analisis kedua. Menurut mereka, pemarkah nominalisasi bergabung di kepala n dan menambat angkubah di kedudukan argumen luar.

5.2 *-an*

Nominalisasi *-an* dapat membawa pelbagai makna. Nik Safiah dkk. (2008: 117–121) menggolongkan makna kata nama *-an* kepada sembilan jenis seperti berikut:

- (39) a. kerja atau perkara atau benda hasil daripada melakukan maksud yang terkandung dalam kata dasar (cth. *kritikan, tulisan*)
 b. kawasan atau bidang yang luas (cth. *lautan, lapangan, luaran*)
 c. banyak (cth. *durian, ratusan*)
 d. alat (cth. *tapisan, acuan*)
 e. orang atau haiwan yang menjadi penderita kerja (cht. *suruhan, tahanan*)
 f. perkara atau benda yang menjadi penderita kerja (cth. *makanan, hantaran*)
 g. mempunyai sifat yang terkandung dalam kata dasar (cth. *manisan, bulatan*)
 h. tempat melakukan sesuatu yang digambarkan oleh kata dasar (cth. *kurungan, hentian*)
 i. ukuran atau kiraan berdasarkan makna yang terkandung dalam kata dasar (cth. *harian, ribuan*)

Di antara kesembilan jenis makna *-an* di atas, terdapat dua jenis yang boleh dikatakan produktif, iaitu (39a) dan (39e–f). Kedua-dua jenis nominalisasi *-an* ini boleh dinamakan sebagai nominalisasi kerjaan dan nominalisasi benda. Nominalisasi kerjaan membawa makna kegiatan atau hasil sesuatu kegiatan, manakala nominalisasi benda pula merujuk kepada argumen dalam yang biasanya berperanan sebagai benda dalam struktur argumen kata kerja yang berkaitan.

Kewujudan kedua-dua jenis nominalisasi *-an* dapat dibuktikan oleh perkataan seperti *jualan* yang memiliki kedua-dua jenis nominalisasi. *Jualan* dalam (40a) merujuk kepada kegiatan menjual, manakala *jualan* dalam (40b) merujuk kepada hasil menjual sesuatu. *Jualan* dalam (40c) pula adalah contoh nominalisasi benda kerana ia merujuk kepada sesuatu yang dijual, dan bukannya (hasil) kegiatan menjual sesuatu.

- (40) a. Kedai itu mengadakan *jualan* murah pada tiap-tiap bulan. (kerjaan)
 b. *Jualan* syarikat itu hanyalah sebanyak RM15 juta setahun. (kerjaan)
 c. Terima kasih kerana sudi membeli *jualan* kami. (benda)

Kedua-dua jenis nominalisasi *-an* adalah berbeza dari segi realisasi argumen. Hanya nominalisasi kerjaan sahaja yang boleh mengambil frasa nama argumen dalam kepada struktur argumen kata kerja yang berkaitan. Dalam contoh (41), frasa nama tersebut adalah argumen dalam bagi *jual* atau entiti yang dijual, iaitu *buku*. Sebaliknya nominalisasi benda pula tidak boleh mengambil frasa nama argumen dalam, seperti (41c).

- (41) a. Kedai itu mengadakan *jualan buku* murah pada tiap-tiap bulan. (kerjaan)
 b. *Jualan buku* syarikat itu hanyalah sebanyak RM15 juta setahun. (kerjaan)
 c. *Terima kasih kerana sudi membeli *jualan buku* kami.¹⁸ (benda)
 (cf. Terima kasih kerana sudi membeli *buku jualan* kami.)

Sebagai contoh lanjut, perhatikan dua contoh dalam (42) di bawah.

- (42) a. kajian bahasa = (hasil) kegiatan mengkaji bahasa (kerjaan)
 b. minuman kopi ≠ (hasil) kegiatan meminum kopi (benda)

Walaupun kedua-dua nominalisasi *-an*, iaitu *kajian* dan *minuman*, diikuti dengan frasa nama, namun hanya bagi *kajian* yang merupakan nominalisasi kerjaan, frasa nama tersebut dapat dikaitkan dengan argumen dalam (objek dalam parafrasa yang diberi). Bagi *minuman* yang merupakan nominalisasi benda, frasa nama tersebut bukanlah argumen dalam tetapi sebaliknya ialah penerang yang mengehadkan kategori ‘minuman’ kepada salah satu subkategorinya, iaitu ‘kopi’.

Sebab mengapa nominalisasi benda tidak boleh mengambil argumen dalam, pada dasarnya adalah sama dengan sebab mengapa nominalisasi pelaku *peN-* dan *pe-* tidak boleh mengambil argumen luar (lihat bahagian 5.1). Nominalisasi pelaku merujuk kepada argumen luar, dan maka itu ia tidak boleh mengambil argumen luar. Nominalisasi benda pula merujuk kepada argumen dalam, dan oleh itu, nominalisasi ini tidak boleh mengambil argumen dalam. Jika demikian, nominalisasi kerjaan yang

¹⁸ Terdapat penutur yang menerima ayat ini. Hal ini kerana frasa *jualan buku* juga dapat dianalisis selari dengan *minuman kopi* dalam (42b), iaitu terdiri daripada kategori dan salah satu subkategorinya.

boleh mengambil argumen dalam tidak merujuk kepada argumen dalam kepada struktur argumen kata kerja yang berkaitan.

Kedua-dua jenis nominalisasi *-an* juga berbeza dari segi realisasi argumen luar. Argumen luar boleh direalisasikan dalam nominalisasi kerjaan seperti (43a–b) dan (44a), tetapi tidak boleh dalam nominalisasi benda seperti (43c) dan (44b):¹⁹

- (43) a. *Jualan* murah oleh kedai itu diadakan pada tiap-tiap bulan. (kerjaan)
 b. *Jualan* oleh syarikat itu hanyalah sebanyak RM15 juta setahun. (kerjaan)
 c. *Terima kasih kerana sudi membeli *jualan* oleh kami. (benda)
- (44) a. kajian oleh pengkaji itu (kerjaan)
 b. *minuman oleh atlet itu (benda)


Nominalisasi kerjaan (44a) bermakna (hasil) kegiatan “pengkaji itu” mengkaji sesuatu. Makna yang diniatkan bagi nominalisasi benda (44b) pula adalah benda yang diminum oleh “atlet itu.” Walau bagaimanapun, frasa (44b) tersebut tidak boleh diterima. Hal ini kerana apabila kedua-dua argumen luar dan dalam diungkapkan bersama nominalisasi kerjaan, urutannya adalah tetap sebagai ‘argumen dalam - argumen luar’ seperti (45a), dan tidak boleh sebaliknya seperti (45b):

- (45) a. jualan [_{arg. dalam} buku] [_{arg. luar} oleh kedai itu]
 b. *jualan [_{arg. luar} oleh kedai itu] [_{arg. dalam} buku]


Pendek kata, nominalisasi kerjaan boleh mengambil kedua-dua argumen luar dan dalam, manakala nominalisasi benda tidak boleh mengambil mana-mana argumen.

Berdasarkan generalisasi ini, dicadangkan struktur dalam (46a) dan (46b) bagi kedua-dua jenis nominalisasi.

(46) a. Nominalisasi *-an* kerjaan



b. Nominalisasi *-an* benda



Fitur [result] dalam (46a) menyebabkan tafsiran hasil (*result*) sesuatu kegiatan.

¹⁹ Realisasi argumen luar dalam nominalisasi benda kelihatan gramatis jika tiada frasa sendi nama *oleh* seperti *jualan kami* dan *minuman atlet itu*. Namun begitu, dalam kes ini, frasa tanpa *oleh* adalah gramatis bukan sebagai argumen luar kata kerja berkaitan, tetapi sebagai pemilik, sebagaimana dengan *wang kami* dan *air mineral atlet itu*, yang juga gramatis tanpa *oleh* (*wang* dan *air mineral* tidak mempunyai pelaku/argumen luar).

Nominalisasi *-an* ditafsirkan sebagai kegiatan apabila fitur ini tidak terlibat. DP_{luar} menunjukkan DP argumen luar. Dalam nominalisasi kerjaan, kedua-dua argumen luar dan argumen dalam tidak dirujuk oleh kepala *n*. Justeru itu, kedua-duanya boleh diungkapkan bersama dengan nominalisasi *-an*, seperti yang dikemukakan di atas.

Penulis berfikir bahawa jenis *v* yang terlibat adalah *di-*. Terdapat dua sebab mengapa penulis berfikir demikian. Pertama, nominalisasi *-an* kerjaan tidak boleh mengambil argumen luar apabila ia tidak boleh diparafrasakan dengan kata kerja *di-*. Nomoto, Wong dan Faridah (2013) memberi contoh-contoh relevan seperti (47), di mana kata sendi nama *oleh* tidak boleh diguna untuk mengungkapkan argumen luar (lihat nota kaki 19 mengenai status *oleh*).

- (47) a. bunyi salakan (*oleh) anjing
b. letupan (*oleh) gunung berapi

(Nomoto, Wong dan Faridah 2013: 341)

(47a) dan (47b) masing-masing diniatkan untuk membawa makna ‘bunyi anjing menyalak’ dan ‘(hasil) kegiatan gunung berapi meletup’. Yang pentingnya, makna-makna ini tidak boleh ditulis semula menggunakan kata kerja pasif *di-* tanpa perubahan makna logik. Contohnya, *bunyi disalak oleh anjing* lain maknanya daripada *bunyi anjing menyalak* dari segi pihak yang mengeluarkan bunyi tersebut. Perkara serupa tidak berlaku dengan nominalisasi kerjaan yang boleh mengambil argumen luar seperti *jualan murah oleh kedai itu* dalam (43a). Makna frasa tersebut dapat diungkapkan sama ada menggunakan kata kerja aktif *menjual* mahupun menggunakan kata kerja pasif *dijual*: kedua-dua ‘kegiatan kedai itu menjual sesuatu’ dan ‘kegiatan sesuatu dijual oleh kedai itu’ merujuk kepada kegiatan yang sama. Sebab kedua adalah berdasarkan pertimbangan sistem nominalisasi secara keseluruhan. Tidak ada nominalisasi yang melibatkan *di-* sebagai *v*, melainkan nominalisasi *-an*. Berdasarkan dakwaan ini, realisasi fonologi kepala *n* sebagai *-an* ditentukan oleh rumus morfologi (48).

(48) $n + di- \leftrightarrow -an$

Fitur [IA] dalam rajah (46b) adalah fitur yang merealisasikan tafsiran rujukan argumen dalam (*Internal Argument*). Realisasi fonologi fitur ini ditentukan oleh rumus morfologi (49).


(49) $n [IA] \leftrightarrow -an$

Dalam rajah (46b), kedudukan argumen dalam ditunjukkan dengan “...”, oleh sebab terdapat tiga analisis konkrit yang mungkin, tentang mengapakah frasa nama argumen dalam tidak boleh hadir. Tiga analisis tersebut adalah sama dengan analisis-analisis yang telah dikemukakan dalam perbincangan argumen luar dalam nominalisasi pelaku *peN-* dan *pe-*, kecuali argumen yang terlibat di sini adalah argumen dalam (lihat bahagian 5.1). Oleh kerana struktur nominalisasi *-an* benda tidak mengandungi kepala *v* mahupun kedudukan argumen luar yang disediakan, iaitu $Spek, vP$, maka argumen luar tidak boleh hadir dalam nominalisasi *-an* benda.

5.3 *peN-...-an*

Sama seperti nominalisasi *-an* kerjaan, nominalisasi *peN-...-an* juga turut membawa makna kegiatan. Walau bagaimanapun, nominalisasi *peN-...-an* berbeza daripada nominalisasi *-an* dalam menekankan aspek proses, seperti yang dicerminkan dalam pemerian makna nominalisasi *peN-...-an* oleh Nik Safiah dkk. (2008: 125): “proses mengerjakan maksud yang terkandung dalam kata dasar.” Aspek makna proses juga ditekankan oleh Mintz (2002: 216). Sehubungan dengan itu, penulis mendakwa bahawa aspek makna proses ini berpunca daripada kata kerja *meN-* yang terbenam dalam struktur nominalisasi *peN-...-an* seperti yang ditunjukkan dalam (50a). Realisasi fonologi kepala *n* sebagai *peN-...-an* ditentukan oleh rumus morfologi (50b).

(50) a.



b. $n + meN- \leftrightarrow peN-...-an$

Menurut analisis Soh dan Nomoto (2011, akan datang), awalan *meN-* memerlukan VP (= \sqrt{P} dalam (50a)), yang mempunyai peringkat (*stage*) (lihat Landman (1992, 2008) mengenai gagasan peringkat). Jika sesuatu peristiwa itu terdiri daripada beberapa peringkat, hal ini memberi kesan tafsiran bahawa peristiwa tersebut sedang berlaku. Jika suatu peristiwa itu melibatkan pelaku seperti *mendengar* (tidak seperti *menurun*, yang ada benda sahaja dan tidak ada pelaku), akan timbul kesan tambahan bahawa pelaku tersebut melibatkan diri dengan peristiwa itu secara aktif atau dengan sengaja.

Pola realisasi argumen bagi nominalisasi *peN-...-an* telahpun dibincangkan sedikit dalam permulaan makalah ini. Nominalisasi *peN-...-an* boleh mengambil argumen luar (51a), argumen dalam (51b) dan kedua-duanya (51c-d) (Sneddon dkk. 2008: 158).

- (51) a. pembunuhan [arg. luar (oleh) Mona Fandey]
 b. pembunuhan [arg. dalam (terhadap) Datuk Mazlan]
 c. pembunuhan [arg. luar Mona Fendi] [arg. dalam terhadap Datuk Mazlan]
 d. pembunuhan [arg. dalam Datuk Mazlan] [arg. luar oleh Mona Fendi]

Terdapat dua ciri yang perlu diberi perhatian di sini. Pertama, kata sendi nama bukan sahaja boleh mendahului argumen luar, malah ia juga boleh mendahului argumen dalam. Hal ini tidak berlaku dengan nominalisasi *peN-/pe-*, manakala jarang tetapi ada berlaku dengan nominalisasi *-an*:

(52) a. penjual (*terhadap) baju sejuk

b. jualan (terhadap) baju sejuk²⁰

Kedua, walaupun kedua-dua argumen luar dan argumen dalam boleh diungkapkan sebagai DP tanpa kata sendi nama seperti (51a–b), namun apabila kedua-duanya diungkapkan, salah satunya yang tidak bersebelahan dengan kepala frasa nama mestilah PP seperti (51c–d). Kata sendi nama *terhadap* dan *oleh* tidak boleh gugur dari (51c–d), seperti yang ditunjukkan dalam contoh (53). Dengan kata lain, argumen yang kedua mesti PP, dan tidak boleh DP.²¹

- (53) a. *pembunuhan [DP Mona Fandey] [DP Datuk Mazlan]
b. *pembunuhan [DP Datuk Mazlan] [DP Mona Fandey]

Kekangan ini adalah kekangan umum yang terlibat dalam binaan nominalisasi kerana ia adalah sah dalam semua binaan nominalisasi yang wujud dalam bahasa Melayu. Kekangan tersebut dirumuskan seperti berikut:^{22,23}

²⁰ Contoh ini sebahagian daripada ayat (i) yang terdapat di laman web. Satu lagi contoh dari laman web juga diperturunkan dalam (ii).

(i) Kata mereka, *jualan terhadap baju sejuk dan jaket* laris.
(http://www.tv9.com.my/beritatv9/tajuk_utama/Fenomena_Suhu_Sejuk_Di_Kelantan.html, diakses 28/01/2014)

(ii) aku nak buat *jualan terhadap kereta kesayanganku...*
(http://z4.invisionfree.com/Saga_Iswara_Club/ar/t33006.htm, diakses 28/01/2014)

²¹ Contoh seperti (i) di bawah nampak seperti contoh yang berlawanan dengan generalisasi ini kerana nominalisasi *peN...-an* mengambil kedua-dua argumennya sebagai DP. Penulis berfikir nominalisasi *peN...-an* seperti ini sebenarnya mengandungi kata nama tak nyata seperti yang ditunjukkan dalam (iia). Dalam ayat (i) misalnya, apa yang sedap bukanlah “kegiatan” beliau membaca al-Quran tetapi “cara” beliau membaca al-Quran. Justeru, DP yang nampak seolah-olah argumen luar *pembacaan* ternyata adalah penerang kata nama tak nyata, sama seperti contoh (iib).

(i) orang memuji qari tu dari segi sedapnya *pembacaan al-quran beliau..*
(<http://suratjalanduku.blogspot.jp/2011/06/tilawah-al-quran.html>, diakses 29/01/2014)

(ii) a. [Ø_{cara} [pembacaan al-Quran]] -nya
b. [cara [membaca al-Quran]] -nya

²² Dari segi teori, kekangan ini boleh dianggap sebagai ciri kepala n yang terlibat dalam nominalisasi berkenaan pemberian **Kasus (Case)**. Sesuatu DP boleh hadir atau “dilesenkan” hanya apabila diberi Kasus (**Tapisan Kasus (Case Filter)**). Biasanya, dalam klausa transitif aktif, DP subjek diberi Kasus nominatif oleh kepala T manakala DP objek diberi Kasus akusatif oleh kepala v. Kekangan (54) bermakna bahawa kedua-dua kepala tersebut dihilangkan kebolehan pemberian Kasusnya oleh kepala n dan n pula boleh memberi satu Kasus. Memandangkan DP argumen mesti bersebelahan dengan nominalisasi dan boleh menjadi bentuk enklitik *-nya*, maka Kasus yang diberi oleh n adalah Kasus genitif.

²³ Kekangan yang serupa juga wujud dalam bahasa Inggeris. Walaupun kedua-dua argumen luar dan argumen dalam boleh diungkapkan sebagai DP seperti (ia–b), namun adalah tidak gramatis untuk mengungkapkan kedua-duanya sebagai DP seperti (ic–d).

(i) a. [DP the enemy’s] destruction (of the city)
b. [DP the city’s] destruction (by the enemy)
c. *[DP the enemy’s] [DP the city’s] destruction

(54) Kekangan realisasi argumen dalam nominalisasi

Dalam binaan nominalisasi, hanya satu argumen sahaja yang boleh diungkapkan sebagai DP.

Tambahan pula, urutan kata mestilah 'N DP PP' seperti dalam (51c-d), dan bukan sebaliknya, iaitu 'N PP DP' seperti (55).

(55) a. *pembunuhan [_{PP} oleh Mona Fendi] [_{DP} Datuk Mazlan]

b. *pembunuhan [_{PP} terhadap Datuk Mazlan] [_{DP} Mona Fendi]

Kekangan dari segi jumlah argumen DP seperti ini menunjukkan bahawa terdapat satu sahaja kedudukan bagi argumen (nyata) dalam nominalisasi. Dengan kata lain, argumen kata kerja yang pertama boleh menjadi DP dalam nominalisasi, tetapi argumen kata kerja yang kedua harus menjadi PP yang berstatus adjung. Dalam hal ini, nominalisasi menyerupai ayat pasif *di-* (jenis *oleh*) yang juga mempunyai satu sahaja kedudukan untuk DP nyata, iaitu kedudukan subjek. Dalam kes ayat, satu-satunya kedudukan tersebut adalah Spek,TP. Dalam kes nominalisasi pula, penulis belum bersedia untuk membincangkan di manakah kedudukan tersebut. Walau bagaimanapun, data seperti (55) menawarkan satu kebarangkalian: kedudukan tersebut mesti bersebelahan dengan kedudukan yang dicapai oleh kepala kompleks 'n + v + √', iaitu n atau kepala yang lebih atas daripada n (tidak ditunjukkan dalam rajah (50)).

5.4 *Per...-an*

Dari segi bentuk, nominalisasi *per...-an* menyerupai nominalisasi *peN...-an*. Namun begitu, dari segi makna ia lebih mirip dengan nominalisasi *-an* kerana ia membawa bukan sahaja makna kegiatan tetapi juga makna hasil sesuatu kegiatan. Nominalisasi *per...-an* berbeza daripada nominalisasi *-an* kerana perkaitannya dengan kata kerja *ber-*.

Nominalisasi *pelajaran* dalam (56a) dan (56b) berikut, masing-masing bermakna kegiatan belajar dan hasil kegiatan belajar.

(56) a. Saya hendak melanjutkan *pelajaran* ke peringkat lebih tinggi.

b. Saya ini tidak ada *pelajaran* tinggi.

Kegiatan belajar boleh dilanjutkan tetapi hasil kegiatan belajar tidak, manakala hasil kegiatan belajar pula boleh dianggap dimiliki oleh seseorang tetapi kegiatan belajar adalah tidak. Hanya (56a) yang membawa makna kegiatan yang boleh diganti dengan nominalisasi *peN...-an pembelajaran* (57a), kerana nominalisasi *peN...-an* tidak memiliki makna hasil sesuatu kegiatan (lihat bahagian 5.3):

(57) a. Saya hendak melanjutkan *pembelajaran* ke peringkat lebih tinggi.


b. *Saya ini tidak ada *pembelajaran* tinggi.

Berdasarkan persamaan dengan nominalisasi *-an* dan perbezaan daripada

d. *_[DP the city's] _[DP the enemy's] destruction

nominalisasi *peN-...-an*, penulis menganalisis struktur nominalisasi *per-...-an* seperti (58a). Fitur [result] yang terlibat dalam nominalisasi *per-...-an* secara opsional adalah fitur yang sama dengan fitur yang terlibat dalam nominalisasi *-an* di atas. Bagaimanapun, apabila fitur tersebut bergabung dengan *v ber-*, rumus morfologi bahasa Melayu, iaitu rumus (58b), merealisikannya sebagai *per-...-an*, dan bukannya *-an*.

(58) a.



b. $n + \text{ber-} \leftrightarrow \text{per-...-an}$

DP_{dalam} dalam rajah (58a) dimasukkan dalam kurungan kerana pada dasarnya kata kerja *ber-*, yang mendasari nominalisasi *per-...-an*, adalah tak transitif bukan ergatif yang tidak mempunyai argumen dalam.²⁴ Contoh (59) dan (60) yang berikut menunjukkan bahawa walaupun kata kerja *ber-* dapat mengambil DP sebagai komplement seperti kata kerja *meN-(...-kan/i)*, namun DP tersebut sukar diganti dengan kata ganti nama enklitik *-nya*; penggunaan *-nya* diterima jika DP tersebut terbenam dalam PP seperti contoh (59c) dan (60c), iaitu satu ciri kata kerja tak transitif.

- (59) a. Siti hendak ✓*berkahwin*/✓*mengahwini* [DP lelaki Nepal itu].
 b. Siti hendak ??*berkahwinnya*/✓*mengahwininya*.
 c. Siti hendak *berkahwin* [PP dengannya].

- (60) a. Beliau telah ✓*bersetuju*/✓*menyetujui* [DP cadangan mereka].
 b. Beliau telah ??*bersetujunya*/✓*menyetujainya*.
 c. Beliau telah *bersetuju* [PP dengannya].

Berhubung dengan ciri tak transitif ini, apabila nominalisasi *per-...-an* mengambil argumen DP, DP tersebut tidak boleh ditafsirkan sebagai argumen dalam. Dengan kata lain, ia hanya boleh ditafsirkan sebagai argumen luar. Sebagai contoh, kita tidak boleh membina nominalisasi (61a) berdasarkan ayat (59a) di atas, walaupun

²⁴ Terdapat dua jenis kata kerja tak transitif, iaitu **kata kerja bukan ergatif (*unergative verb*)** dan **kata kerja bukan akusatif (*unaccusative verb*)**. Perbezaan di antara kedua-dua jenis kata kerja ialah satu-satunya argumen kata kerja bukan ergatif adalah argumen luar (berperanan pelaku, penyebab, pengalami dsb.) seperti subjek kata kerja transitif, manakala satu-satunya argumen kata kerja bukan akusatif adalah argumen dalam (berperanan benda, penderita dsb.) seperti objek kata kerja transitif. Lihat Soh dan Nomoto (2011) dan Soh (judul ini) untuk perbincangan lanjut mengenai dua jenis kata kerja tak transitif.

DP *lelaki Nepal itu* boleh muncul tanpa apa-apa kata sendi nama selepas kata kerja *berkahwin*. DP *lelaki Nepal itu* dalam (61a) hanya merujuk kepada individu yang berkahwin, iaitu argumen luar yang berperanan pelaku. Nominalisasi berdasarkan (59a) harus mengandungi kata sendi nama *dengan* seperti (61b).

- (61) a. perkahwinan [DP lelaki Nepal itu]
 b. perkahwinan [PP dengan lelaki Nepal itu]

Ciri tak transitif juga mempengaruhi realisasi argumen luar dalam nominalisasi *per-...-an*. Tidak seperti nominalisasi *-an* dan *peN-...-an*, argumen luar mesti merupakan DP dan tidak boleh PP *oleh* seperti yang ditunjukkan dalam (62). Hal ini kerana ayat tak transitif tidak mempunyai pasangan pasif dalam bahasa Melayu.²⁵

- (62) a. *perkahwinan oleh Siti
 b. perkahwinan Siti

Apabila kedua-dua argumen dalam ayat (59a) diungkapkan, DP pelaku mesti mendahului PP yang berkaitan dengan argumen luar seperti (63a) dan tidak boleh seperti (63b):

- (63) a. perkahwinan [DP Siti] [PP dengan lelaki Nepal itu]
 b. *perkahwinan [PP dengan lelaki Nepal itu] [DP Siti]

5.5 *Ke-...-an*

Nominalisasi *ke-...-an* berkaitan dengan kata adjektif dan kata kerja tak transitif bukan akusatif (lihat nota kaki 24) seperti contoh dalam (64). Justeru itu, Asmah (2009: 78) menyifatkan makna nominalisasi *ke-...-an* (yang berdasarkan kata kerja) dengan huraian “timbul, secara tak sengaja” dan “dikenakan kegiatan,” iaitu makna yang sering didukung oleh kata kerja bukan akusatif.

- (64) a. keindahan, kemalasan, kepelbagaian, ketakutan
 b. kedatangan, kejadian, kejatuhan, kenaikan

Kedua-dua jenis golongan kata, iaitu kata adjektif dan kata kerja bukan akusatif, hanya mengambil argumen dalam sahaja yang biasanya berperanan benda atau penderita. Justeru, argumen DP yang diambil oleh nominalisasi *ke-...-an* adalah argumen dalam seperti dalam contoh di bawah:

- (65) a. keindahan [bandar itu]
 b. kedatangan [ramai pelancong asing]


Dalam pada itu, walaupun sasaran (*goal*) boleh diungkapkan sebagai DP dalam ayat (66a), ia tidak boleh menjadi DP dalam nominalisasi *ke-...-an* (66b), dan mesti diungkapkan sebagai PP adjung seperti dalam (66c).

²⁵ Lihat Nomoto dan Kartini (2011, 2012) mengenai alternasi ragam dalam bahasa Melayu/Indonesia.

- (66) a. Ramai pelancong asing datang [_{DP} Malaysia].
 b. *kedatangan [_{DP} Malaysia]
 c. kedatangan [_{PP} ke Malaysia]

Berdasarkan ciri-ciri tersebut, penulis menganalisis struktur nominalisasi *ke-...-an* seperti (67) berikut:

(67)



Yang penting, struktur di atas tidak mengandungi kedudukan argumen luar, iaitu Spek, vP atau Spek, aP. Ini bermakna jenis v yang terlibat adalah bukan akusatif.

Terdapat contoh nominalisasi *ke-...-an* yang mengandungi awalan kerjaan di dalamnya. Contoh-contoh dalam (68a) dan (68b) yang berikut masing-masing mengandungi awalan *ber-* dan *ter-*.

- (68) a. *keberkesanan, kebersamaan, kebertanggungjawaban*
 b. *keterbatasan, keterbukaan, keterikatan, keterbabitian, keterlibatan*

Jika diandaikan bahawa awalan *ber-* dan *ter-* merupakan kepala v, ini bermakna bahawa dari segi fonologi, kepala n dan v direalisasikan secara berasingan, dan bukannya bersama-sama. Menurut analisis ini, rumus morfologi yang terlibat dalam nominalisasi *ke-...-an* adalah seperti berikut:

(69) $n \leftrightarrow ke-...-an$

Rumus ini paling mudah dalam rumus-rumus yang telah dibincangkan sebelum ini ((35), (48), (49), (50b), (58b)). Ia hanya merujuk kepada kepala n dan tidak mengenakan apa-apa kekangan dari segi fitur n atau jenis v yang mengepalai komplemennya. Dalam hal ini, boleh dikatakan bahawa nominalisasi *ke-...-an* adalah nominalisasi lalai atau “default” dalam bahasa Melayu.

Berkemungkinan status lalainya mempunyai kaitan dengan kenyataan bahawa terdapat nominalisasi *ke-...-an* yang mengandungi unsur nafi dan kata bantu seperti contoh dalam (70). Kata nafi dan kata bantu rupa-rupanya terbatas kepada *tidak* dan *boleh*. (Isu mengapakah keterbatasan ini wujud akan dibincangkan di bahagian 5.6)

- (70) a. *ketidakadilan, ketidakjujuran, ketidakmampuan, ketidakpastian, ketidakpuasan, ketidakseimbangan, ketidaksempurnaan, ketidaksesuaian, ketidakyakinan, ketidakbertanggungjawaban*
 b. *kebolehpercayaan, kebolehpasaran, kebolegunaan, kebolehterimaan*

- c. *ketidakbolehpercayaan, ketidakbolehterimaan, ketidakbolehgunaan*

Ciri ini tidak terdapat pada nominalisasi-nominalisasi lain yang telah dibincangkan sebelum ini. Perhatikan contoh di bawah:

- (71) a. **pen[t]idakterima*/**pembolehterima* (biasiswa ini) (*peN-/pe-*)
 b. **tidakkajian*/**bolehkajian* (fenomena itu) (*-an* kerjaan)
 c. **tidakmakanan*/**bolehmakanan* (*-an* benda)
 d. **pen[t]idakjualan*/**pembolehjualan* (kuih itu) (*peN-...-an*)
 e. **pertidaksetujuan*/**perbolehsetujuan* (dengan cadangan mereka) (*per-...-an*)

5.6 *-nya*

Nominalisasi *-nya* adalah berdasarkan projeksi yang lebih besar daripada kelima-lima nominalisasi yang dibincangkan sebelum ini. Ia boleh mengandungi kata nafi dan kata bantu secara bebas seperti dalam (72). Berbeza daripada nominalisasi *ke-...-an*, kata nafi dan kata bantu yang terlibat dalam nominalisasi *-nya* tidak terbatas kepada *tidak* dan *boleh*.

- (72) a. [*tidak/belum* ada] *-nya* (penerbangan langsung dari KLIA ke Nagoya)
 b. [*akan/boleh* berlaku] *-nya* (banjir kilat)
 c. [*tidak akan/pernah* turun] *-nya* (salji di Malaysia)

Nominalisasi *-nya* juga bebas dari segi jenis v yang terlibat. Kesemua v yang terlibat dalam nominalisasi lain boleh muncul dalam nominalisasi *-nya*, seperti dalam (73).

- (73) a. *menurunnya* (harga barang keperluan harian) (*meN-*)
 b. *berdirinya* (saya di sini) (*ber-*)
 c. *dijualnya* (dua buah pulau)²⁶ (*di-*)
 d. *terbakarnya* (rumah itu) (*ter-*)
 e. (tanah) *tumpahnya* (darahku) (\emptyset)

Seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian 3, nominalisasi *-nya* bukan sahaja berdasarkan kata kerja tetapi juga kata adjektif, seperti contoh (21a) (diulang di bawah sebagai (74)).

- (74) *sedihnya* (saya hanya Tuhan sahaja yang tahu)

Walaupun nominalisasi *-nya* adalah nominalisasi yang paling bebas di antara nominalisasi-nominalisasi yang wujud dalam bahasa Melayu, ini bukanlah bermakna

²⁶ Contoh ini sebahagian daripada ayat berikut, yang mana menunjukkan bahawa morfem *-nya* dalam contoh ini bukanlah kata ganti nama pelaku.

- (i) Di Indonesia pada 2007 lalu juga sempat heboh dengan dijualnya dua buah pulau iaitu Pulau Panjang dan Meriam Besar yang dijual oleh Karangasem Property melalui www.karangasemproperty.com.

(Utusan Malaysia, 06/09/2009)

bahawa ia langsung bebas daripada sebarang kekangan. Yang paling penting, apabila nominalisasi *-nya* berdasarkan kata kerja transitif, yang biasanya merupakan kata kerja *meN-*, kata kerja tersebut tidak boleh mengambil objek. Dengan kata lain, klausa yang mendasari nominalisasi *-nya* tidak boleh menjadi klausa transitif dalam ragam aktif (Sneddon dkk. 2010: 312). Sebagai contoh, padanan transitif bagi (73a) dan padanan aktif bagi (73c) tidak gramatis:

- (75) a. *menurunkannya (harga barang keperluan harian) (cf. (73a))
b. *menjualnya (dua buah pulau) (cf. (73c))

Kedua, nominalisasi *-nya* juga adalah peka kepada kekangan umum ke atas realisasi argumen dalam nominalisasi (54). Hanya satu argumen sahaja yang boleh diungkapkan sebagai DP, manakala argumen kedua mesti diungkapkan sebagai PP seperti mana yang ditunjukkan dalam (76).

- (76) a. diakuinya [_{DP} negara Israel] [_{PP} oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu]²⁷
b. *diakuinya [_{DP} negara Israel] [_{DP} Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu]

Ketiga, nominalisasi *-nya* tidak begitu lazim digunakan dalam bahasa Melayu moden. Situasi ini berbeza daripada bahasa Indonesia, yang mana nominalisasi tersebut sering digunakan. Kemungkinan besar perbezaan ini berpunca daripada penggunaan *-nya* sebagai pemarah kepunyaan dalam bahasa Indonesia (dan bahasa Jawa) seperti (77). Penggunaan *-nya* seperti ini dianggap tidak gramatis dalam bahasa Melayu (standard) di Malaysia.


- (77) Bahasa Indonesia (Sneddon dkk. 2010: 150)
 anaknya guru kami ‘anak (kepada/kepunyaan) guru kami’
 ibunya Suparjo ‘ibu (kepada/kepunyaan) Suparjo’

Rajah (78) di bawah ini menunjukkan struktur nominalisasi *-nya*.

²⁷ Ayat contoh penuh berbunyi:

- (i) Dengan diakuinya negara Israel oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 1948, perasaan anti-Yahudi di kalangan kaum Muslim mulai mendapat landasan konkritnya.
(<http://ummatanwasatan.net/2012/04/rentetan-sejarah-konflik-islam-yahudi/>, diakses 03/02/2014)

(78)



Struktur nominalisasi *-nya* berbeza daripada nominalisasi yang lain dalam mengandungi TP, iaitu klausa, dan bukannya vP atau \sqrt{P} . Penulis menangani hal ini dengan fitur [T]. Kehadiran TP menjelaskan mengapakah nominalisasi *-nya* boleh mengandungi kata bantu secara bebas kerana kata bantu biasanya dianggap berkategori T. Seperti yang dilihat dalam akhir bahagian 5.5, nominalisasi *ke-...-an* juga boleh mengandungi kata bantu, tetapi terhad kepada perkataan *boleh*. Penulis mendakwa bahawa had ini wujud kerana nominalisasi *ke-...-an* tidak ada kedudukan T, sedangkan *boleh* yang muncul dalam nominalisasi *ke-...-an* tersebut sebenarnya adalah kepala a (kepala penentu kategori adjektif), dan bukannya T (kata bantu).

Kehadiran projeksi TP juga menjelaskan perbezaan makna di antara nominalisasi *-nya* dengan nominalisasi *peN-...-an* dan *ke-...-an*. Sneddon (2010: 313) menyatakan bahawa nominalisasi *peN-...-an* dan *ke-...-an* biasanya boleh diganti oleh nominalisasi *-nya*. Sebagai contoh, menurut mereka, *-nya* dalam (74) (diulang di bawah sebagai (79a)) boleh ditulis semula sebagai (79b) menggunakan nominalisasi *ke-...-an*.

- (79) a. *Sedihnya* saya hanya Tuhan sahaja yang tahu. (= (74))
b. *Kesedihan* saya hanya Tuhan sahaja yang tahu.

Walau bagaimanapun, kedua-dua nominalisasi tersebut sebenarnya tidak sama maknanya. *Sedihnya saya* dalam (79a) merujuk kepada satu babak yang konkrit di mana penutur mengalami rasa sedih,²⁸ manakala *kesedihan saya* dalam (79b) pula merujuk kepada konsep abstrak yang berhasil daripada babak-babak melibatkan rasa sedih. Dengan kata lain, nominalisasi *-nya* terikat pada masa, manakala nominalisasi *ke-...-an* pula tidak terikat pada masa, tidak kira hadir atau tidak ungkapan masa yang nyata dalam ayat. Perbezaan ini memang diramalkan dari perbezaan struktur di antara kedua-dua jenis nominalisasi, iaitu nominalisasi *-nya* mengandungi kepala T manakala nominalisasi *ke-...-an* tidak.

Akhir sekali, realisasi fonologi kepala n ditentukan sebagai *-nya* oleh rumus


²⁸ Justeru, gambarannya cukup hidup dan menarik. Aspek makna ini turut diwarisi oleh ayat seru *-nya* (cth. *Ei, geramnya saya dengan budak itu!*), yang telah berkembang dari binaan nominalisasi *-nya*.

morfologi seperti berikut:

(80) n [T] ↔ -nya

Memandangkan urutan kata ‘kata bantu (T) - kata kerja/adjektif (v/a + √) - *-nya*’, maka dalam nominalisasi *-nya*, berlaku perpindahan kepala dari √ ke n melalui v/a dan T. Misalnya, frasa *boleh berlakunya banjir kilat* dalam (72b) mempunyai struktur yang ditunjukkan dalam (81).²⁹

(81)



6. Kesimpulan dan isu yang belum selesai

Makalah ini membincangkan sintaksis nominalisasi dalam bahasa Melayu, khususnya yang dianggap produktif, iaitu nominalisasi yang melibatkan imbuhan *peN-*, *pe-*, *-an*, *peN...-an*, *per...-an*, *ke...-an* dan *-nya*. Bagi setiap nominalisasi, penulis telah menjelaskan ciri-cirinya dan mengutarakan analisis struktur sintaksis serta rumus morfologi yang menentukan bentuk fonologi kepala n. Analisis penulis dirumuskan dalam Jadual 1.

²⁹ Kedudukan DP *banjir kilat* tidak dipertimbangkan secara serius dalam rajah ini. Terdapat kemungkinan bahawa DP tersebut berpindah ke kedudukan subjek, iaitu *Spek,TP* (tidak ditunjukkan dalam rajah ini). Urutan di antara empat kepala, iaitu √, v, T dan n, sebahagiannya ditentukan oleh sifat imbuhan, iaitu sama ada awalan, ahiran atau apitan; faktor yang menentukan urutan di antara T dan v pula tidak jelas pada masa penulisan makalah ini.

Jadual 1. Rumusan struktur dan rumus morfologi nominalisasi bahasa Melayu

Pemarkah	Struktur sintaksis	Fitur n	Rumus morfologi n
<i>peN-</i>	[_{nP} [_{vP} [_v meN-] ...]]	[EA]	n [EA] + meN- ↔ peN-
<i>pe-</i>	[_{nP} [_{vP} [_v ber-] ...]]	[EA]	n [EA] + ber- ↔ pe-
<i>-an</i> (kerjaan)	[_{nP} [_{vP} [_v di-] ...]]	([result])	n + di- ↔ -an
<i>-an</i> (benda)	[_{nP} [_{vP} ...]]	[IA]	n [IA] ↔ -an
<i>peN-...-an</i>	[_{nP} [_{vP} [_v meN-] ...]]	—	n + meN- ↔ peN-...-an
<i>per-...-an</i>	[_{nP} [_{vP} [_v ber-] ...]]	([result])	n + ber- ↔ per-...-an
<i>ke-...-an</i>	[_{nP} [_{vP/aP} ...]]	—	n ↔ ke-...-an
<i>-nya</i>	[_{nP} [TP ...]]	[T]	n [T] ↔ -nya

Penulis ingin menegaskan bahawa pemerian fakta dan analisis yang diberikan dalam makalah ini hanyalah sebagai langkah pertama dalam kajian nominalisasi bahasa Melayu. Dalam makalah ini, penulis hanya menumpukan perkara-perkara asas sahaja. Misalnya, penulis sengaja mengeneipkan banyak contoh yang diramalkan wujud tetapi tidak wujud, dengan mengandaikan bahawa contoh-contoh sedemikian adalah sela leksikal, iaitu tidak wujud secara kebetulan, dan bukannya disebabkan prinsip tertentu, kerana melibatkan leksikon. Contohnya, nominalisasi *-an* terdiri daripada dua jenis, iaitu jenis kerjaan dan jenis benda. Nominalisasi *-an* kerjaan adalah berdasarkan kata kerja *di-* dan membawa makna kegiatan atau hasil kegiatan, manakala nominalisasi *-an* benda pula tidak berdasarkan kata kerja *di-* dan merujuk kepada argumen dalam bagi kata akar yang mendasarinya yang biasanya berperanan benda atau penderita. Dalam bahagian 5.2, penulis telah mengemukakan perkataan *jualan* sebagai contoh yang taksa di antara kedua-dua jenis nominalisasi *-an*. Walau bagaimanapun, bukan semua nominalisasi *-an* adalah taksa seperti *jualan*. Contohnya, *makanan* hanya merujuk kepada benda yang dimakan (jenis benda), dan tidak bermakna (hasil) kegiatan makan sesuatu (jenis kerjaan). Persoalannya, adakah jenis kerjaan tidak wujud secara kebetulan, atau terdapatkah faktor yang belum ditemui, yang menentukan kegramatisan jenis kerjaan/benda bagi sesuatu nominalisasi *-an*?

Selain itu, butir-butir analisis sintaksis juga masih banyak yang perlu diperbaiki. Misalnya, penulis belum membincangkan kedudukan argumen DP dalam nominalisasi (kecuali nominalisasi *-nya*). Argumen DP dalam nominalisasi mirip dengan DP pemilik. Oleh itu, struktur dalaman DP bahasa Melayu perlu diteliti sebelum isu kedudukan argumen DP dalam nominalisasi boleh dibincangkan dengan penuh yakin. Jika kita mengikut teori Morfologi Tersebar secara tegas, morfem fungsian seperti *meN-*, *ber-* dan *di-* yang muncul dalam struktur sintaksis dan rumus morfologi analisis makalah ini, lebih baik diungkapkan dengan (gabungan) fitur. Untuk mencapai matlamat tersebut, satu analisis yang mendalam mengenai fungsi sintaksis dan semantik morfem-morfem tersebut sudah semestinya perlu dilaksanakan.

Rujukan

- Abney, Steven. 1987. *The English Noun Phrase in Its Sentential Aspect*. Tesis PhD, Institut Teknologi Massachusetts.
- Alexiadou, Artemis. 2001. *Functional Structure in Nominals: Nominalization and Ergativity*. Amsterdam: John Benjamins.
- Alexiadou, Artemis dan Florian Schäfer. 2010. On the syntax of episodic vs. dispositional *-er* nominals. Dlm Artemis Alexiadou dan Monika Rathert (peny.) *The Syntax of Nominalizations across Languages and Frameworks*, 9–38. Berlin:

- Mouton de Gruyter.
- Asmah Haji Omar. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Kelima)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baker, Mark C. dan Nadya Vinokurova. 2009. On agent nominalizations and why they are not like event nominalizations. *Language* 85: 517–556.
- Borer, Hagit. 2012. In the event of a nominal. Dlm Martin Everaert, Marijana Marelj dan Tal Siloni (peny.) *The Theta System: Argument Structure at the Interface*, 103–149. Oxford: Oxford University Press.
- Bosković, Željko. 2008. What will you have, DP or NP? Dlm Emily Elfner dan Martin Walkow (peny.) *Proceedings of North East Linguistic Society 37*, 101–114.
- Chierchia, Gennaro. 1998. Reference to kinds across languages. *Natural Language Semantics* 6: 339–405.
- Chomsky, Noam. 1970. Remarks on nominalization. Dlm Roderick Jacobs dan Peter Rosenbaum (peny.) *Readings in English Transformational Grammar*, 184–221. Waltham, MA: Ginn and Company.
- Chomsky, Noam. 1995. *The Minimalist Program*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Embick, David dan Rolf Noyer. 2007. Distributed Morphology and the syntax/morphology interface. Dlm Gillian Ramchand dan Charles Reiss (peny.) *The Oxford Handbook of Linguistic Interfaces*, 289–324. Oxford: Oxford University Press.
- Guilfoyle, Eithene, Henrietta Hung dan Lisa Travis. 1992. Spec of IP and Spec of VP: Two subjects in Austronesian languages. *Natural Language and Linguistic Theory* 10: 375–414.
- Halle, Morris dan Alec Marantz. 1993. Distributed Morphology and the pieces of inflection. Dlm Kenneth Hale dan Samuel Jay Keyser (peny.) *The View from Building 20*, 111–176. Cambridge, MA: MIT Press.
- Van Hout, Angeliek dan Thomas Roeper. 1998. Events and aspectual structure in derivational morphology. Dlm Heidi Harley (peny.) *Papers from the UPenn/MIT Roundtable on Argument Structure and Aspect*, 175–200. Cambridge, MA: MIT Working Papers in Linguistics.
- Jackendoff, Ray. 1977. *X' Syntax*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Landman, Fred. 1992. The progressive. *Natural Language Semantics* 1: 1–32.
- Landman, Fred. 2008. 1066: On the differences between the tense-perspective-aspect systems of English and Dutch. Dlm Susan Rothstein (peny.) *Theoretical and Crosslinguistic Approaches to the Semantics of Aspect*, 107–166. Amsterdam: John Benjamins.
- Lyons, Christopher. 1999. *Definiteness*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Marantz, Alec. 1997. No escape from syntax: Don't try morphological analysis in the privacy of your own lexicon. Dlm Alexis Dimitriadis, Laura Siegel, Clarissa Surek-Clark dan Alexander Williams (peny.) *University of Pennsylvania Working Papers in Linguistics vol. 4.2*, 201–225. Universiti Pennsylvania.
- Mintz, Malcolm W. 2002. *An Indonesian & Malay Grammar for Students*. Perth: Indonesian/Malay Texts and Resources.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood. 2008. *Tatabahasa Dewan (Edisi Ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nomoto, Hiroki. 2006. *A Study on Complex Existential Sentences in Malay*. Tesis Sarjana, Universiti Bahasa Asing Tokyo.
- Nomoto, Hiroki dan Kartini Abd. Wahab. 2011. Konstruksi *kena* dalam bahasa

- Indonesia: Perbandingan dengan bahasa Melayu. *Linguistik Indonesia* 29: 111–131.
- Nomoto, Hiroki dan Kartini Abd. Wahab. 2012. *Kena* adversative passives in Malay, funny control, and covert voice alternation. *Oceanic Linguistics* 51: 360–386.
- Nomoto, Hiroki, Wong Sin Ti dan Faridah Mohamed. 2013. Mareeshiago no shoyuu hyougen (deeta) [Ungkapan kepunyaan dalam bahasa Malaysia (data)]. *Gogaku Kenkyuujo Ronshuu* 18, 332–343. Universiti Bahasa Asing Tokyo.
- Pollock, Jean-Yves. 1989. Verb Movement, UG and the structure of IP. *Linguistic Inquiry* 20: 365–424.
- Ramli Md. Salleh. 2006. Imbuhan dan penandaan tematik dalam bahasa Melayu. *Jurnal Melayu* 2: 47–54.
- Roy, Isabelle dan Elena Soare. 2013. Event related nominals. Dlm Gianina Iordăchioaia, Isabelle Roy dan Kaori Takamine (peny.) *Categorization and Category Change*, 123–152. Newcastle upon Tyne: Cambridge Scholars Publishing.
- Sneddon, James Neil, Alexander K. Adelaar, Dwi N Djenar dan Michael Ewing. 2010. *Indonesian: A Comprehensive Grammar (Second Edition)*. London: Routledge.
- Soh, Hooi Ling. judul ini. Awalan *meN-* dalam bahasa Melayu: Satu morfem atau dua morfem?
- Soh, Hooi Ling dan Hiroki Nomoto. 2011. The Malay verbal prefix *meN-* and the unergative/unaccusative distinction. *Journal of East Asian Linguistics* 20: 77–106.
- Soh, Hooi Ling dan Hiroki Nomoto. akan datang. Degree achievements, telicity and the verbal prefix *meN-* in Malay. *Journal of Linguistics*.
- Yap, Foong Ha. 2011. Referential and non-referential uses of nominalization constructions in Malay. Dlm Foong Ha Yap, Karen Grunow-Hårsta dan Janick Wrona (peny.) *Nominalization in Asian Languages: Diachronic and Typological Perspectives*, 627–658. Amsterdam: John Benjamins.
- Zaharani Ahmad. 1992. Awalan kata nama *peN*, *peR*, *pe* bahasa Melayu: Masalah dan penyelesaian. *Jurnal Dewan Bahasa* 36: 869–881.